

CNS6010

U PB 04-12 00127 BB019

A/B

Mahathir - Komanwel

KUALA LUMPUR, 4 Dis (Bernama) — Laporan Kumpulan Pemerhati Komanwel mengenai pilihan raya umum lepas akan diedarkan pada sesi Parlimen sekarang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Perdana Menteri berkata laporan itu juga akan meliputi pandangan dan ulasan kerajaan mengenainya.

+Kita akan release (keluarkan) laporan itu dalam sesi Parlimen ini dengan ulasan kita,+ katanya kepada pemberita selepas istiadat pembukaan penggal pertama Parlimen yang kelapan oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah di bangunan Parlimen di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata laporan itu akan hanya diedarkan dan ia bukan untuk dibentangkan atau dibahaskan di Parlimen.

+(Ia) bukan kertas makluman ...cuma kita nak bagi kita punya pandangan sahaja,+ katanya. -- Lagi

♥04/12/15-06MST

CNS6011

U PB 04-12 00156 BB020

AAB

Mahathir - Komanwel 2 Kuala Lumpur

Menurutnya, Setiausaha Agung Komanwel, Chief Emeka Anyaoku, bertanyakan kepada beliau berhubung laporan itu semasa pertemuan mereka di sini semalam.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau dan Chief Anyaoku juga berbincang mengenai persiapan mesyuarat Ketua Sepuluh Negara Komanwel di London Januari ini bagi menentukan peranan Komanwel pada masa akan datang.

Mengenai sesi Parlimen kali ini, beliau berpendapat ia akan lebih rancak dan dijangka tidak timbul masalah tidak cukup kuorum.

+Cuma kita akan kehilangan seorang yang meriahkan suasana iaitu (bekas anggota Parlimen kawasan Rasah-DAP) Hu Sepang... kalau tidak selalu tepuk meja,+ kata beliau sambil berjenaka.

Mengenai lawatan rasmi Perdana Menteri Republik Rakyat China, Li Peng, ke Malaysia dari 10 hingga 13 Dis ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata lawatan itu bertujuan mempereratkan hubungan dua hala antara Republik itu dan Malaysia, di samping menggalakkan hubungan perdagangan antara kedua-dua negara. — Bernama

♥04/12/15-07MST